

# 'Scammer' peroleh RM5 juta tahun lalu

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA

pengarang@utusan.com.my

**KUANTAN 19 Jan.** - Sindiket penipu alam maya atau scammer memperoleh 'pendapatan' lebih RM5 juta sepanjang tahun lalu dengan memperdayakan 658 orang mangsa di seluruh negeri ini.

Jumlah itu bagaimanapun mencatatkan penurunan berbanding tahun 2017 yang mana sindiket berkenaan berjaya mengaut keuntungan RM8 juta membabitkan 726 orang mangsa.

Ketua Jabatan Siasatan jenayah Komersial negeri, Superintendent Mohd. Wazir Mohd.

Yusof berkata, penipuan tanpa perlu bekerja keras itu membabitkan empat sindiket iaitu pinjaman tidak wujud, penipuan belian secara dalam talian, African Scam dan Macau Scam.

Bagi kes pinjaman tidak wujud, katanya, pihaknya mendapati terdapat peningkatan sebanyak 297 kes sepanjang tahun lalu berbanding 152 kes pada 2017, namun kerugian yang dialami mangsa menunjukkan penurunan daripada RM1.32 juta kepada RM419,008 pada tahun lalu.

"Jumlah kes Macau Scam turut meningkat pada tahun lalu membabitkan 135 kes dengan kerugian RM2.57 juta berbanding 102 kes pada 2017 membabitkan kerugian RM2.49 juta.

ding 112 kes dan RM2.72 juta kerugian pada 2017.

"Penipuan belian secara dalam talian pula menunjukkan penurunan yang ketara iaitu sebanyak 152 kes pada tahun lalu dengan kerugian RM1 juta berbanding 360 kes pada 2017 dengan kerugian RM1.47 juta," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Mohd. Wazir berkata, sebanyak 74 kes penipuan African Scam membabitkan Parcel Scam, Love Scam dan belian mata wang lama direkodkan sepanjang tahun lalu dengan kerugian RM1.06 juta berbanding 102 kes pada 2017 membabitkan kerugian RM2.49 juta.

Jelasnya, antara modus operandi yang biasa dilakukan empat sindiket itu adalah menyamar sebagai pegawai bank atau menawarkan hadiah loteri yang tidak wujud selain menawarkan hadiah mewah dari luar negara.

"Selain itu, ahli sindiket itu juga bijak menyamar sebagai pegawai bank, polis dan pelbagai agensi penguat kuasa lain untuk memberi tekanan mangsa terutamanya orang tua," katanya.

Menurutnya, secara kebiasaannya, kerja-kerja penipuan itu dilakukan melalui media sosial dan panggilan telefon supaya mangsa menyerahkan wang simpanan mereka.